

UMS bantu kerajaan basmi kemiskinan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencapai kejayaan dalam membantu Kerajaan membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar Sabah.

Naib Canselornya Datuk Abu Hassan Othman berkata, pelbagai kaji selidik yang dijalankan telah mendapat sambutan baik terutamanya oleh mereka yang berada dalam lingkungan berpendapatan rendah.

Menurut beliau, salah satu kaji selidik yang telah dapat meningkatkan pendapatan penduduk adalah projek kaji selidik rumpai laut, melibatkan dua buah kawasan di Negeri ini, Semporna dan Kudat.

"Kami menggunakan analisis DNA dalam penyelidikan kami," katanya.

Katanya, sejak para penyelidik UMS terlibat dalam projek itu, penduduk

terutamanya mereka dalam golongan rakyat termiskin telah dapat melihat pendapatan mereka semakin bertambah daripada RM300 kepada RM600.

"Kami ingin melihat pendapatan mereka yang terlibat dalam program itu meningkat kepada RM1,000," katanya.

Projek itu di kawasan 60 ekar di Pulau Omadal di Semporna dan 110-ekar di Pulau Telukan Lung Balambangan di Kudat, merupakan salah satu program Pembasmian Kemiskinan Penduduk Termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan.

Katanya, bukanlah satu tugas yang mudah bagi Kerajaan untuk membawa perubahan kepada rakyat, sekiranya rakyat sendiri enggan mengubah pemikiran mereka.

"Tetapi kita tidak boleh menyalahkan mereka terutamanya apabila status ekonomi mereka kekal tidak berubah, kerana pendekatan yang betul perlu diberi pertimbangan," katanya.

Beliau berkata, adalah penting bagi para pemimpin masyarakat untuk turun ke padang untuk mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi penduduk.

"Inilah apa yang sering saya katakan kepada para pegawai saya supaya rapatkan diri dengan para penduduk kampung. Mereka harus diberi maklumat yang tepat mengenai agenda pembangunan Kerajaan," katanya.

Beliau berkata, tindak balas yang baik daripada rakyat terhadap pelbagai program Kerajaan (program pembasmian) hanya boleh menjadi kenyataan dengan cara bertemu dengan mereka seberapa kerap yang boleh.

Sementara itu, UMS juga terlibat dalam kaji selidik lain dalam penternaan ikan jenis "giant garuopa" di pusat penetasannya di Keningau dan akuakultur.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA